

14/03/2001

Demonstrasi: Maicci hantar memorandum

KUALA LUMPUR, Selasa - Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (Maicci) akan menyediakan satu memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, jika parti pembangkang terus berdegil hendak mengadakan demonstrasi jalanan.

Presidennya, Datuk Kenneth Iswaran, berkata rakyat terutamanya golongan peniaga harus menentang demonstrasi jalanan dan rusuhan kerana ia hanya akan menjejaskan kestabilan dan keamanan negara.

"Kenapa kita hendak membiarkan keamanan dan kestabilan yang dinikmati sekarang dimusnahkan oleh sesetengah pihak yang hanya mementingkan diri sendiri.

"Kami berharap rakyat, khususnya peniaga tidak menyertai demonstrasi jalanan itu kerana mereka yang terbabit bukannya memperjuangkan kepentingan negara," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata, rakyat termasuk peniaga harus bersyukur dan menghargai keadaan sedia ada kerana Malaysia tidak seperti negara lain di rantau ini yang sentiasa berada dalam keadaan huru-hara.

(END)